

Sekurang-kurangnya sebanyak 380 ekor ikan paus pilot sirip panjang ditemui mati di Macquarie Harbour, pantai barat Tasmania, Australia setakat semalam.

Sinar
Harian
26/9/2020
mls 32

Paus terdampar terus jadi misteri

Sejak awal minggu lalu, pasukan penyelamat bertungkus-lumus menyelamatkan sekumpulan ikan paus pilot sirip panjang yang terkandas di Pulau Tasmania, selatan Australia.

Sebahagian daripada 470 mamalia yang ditemui di perairan cetek Macquarie Harbour itu turut dilaporkan mati.

Kejadian itu mencetuskan persoalan ahli biologi marin sehingga hari ini walaupun pelbagai kajian telah dilakukan untuk mencari jawapan tentang fenomena berkenaan.

"Insiden sekumpulan besar ikan paus terkandas di seluruh dunia terus menjadi misteri," kata saintis hidupan liar yang berpusat di Sydney, Vanessa Pirota.

Sehingga kini, para saintis gagal menemui punca sebenar yang menyebabkan kumpulan ikan paus dan ikan lumba-lumba yang dikenali sebagai haiwan yang sangat 'peramah' terdedah kepada kejadian itu.

"Terdapat banyak faktor. Ia mungkin akibat seekor atau sebahagian ikan paus berdepan 'masalah' menyebabkan mamalia sama dalam kumpulan tersebut bertindak mengikutnya," jelasnya.

Difahamkan, kebanyakan rekod kejadian kumpulan mamalia terkandas itu melibatkan paus pilot sirip panjang dan sirip pendek yang berukuran sepanjang

tujuh meter dan seberat tiga tan.

Awal tahun lalu, penyelidik di Institut Kesihatan Haiwan di Universiti Las Palmas de Gran Canaria, Sepanyol membongkar misteri di sebalik kejadian ikan paus 'bunuh diri' di tepi pantai.

Teknologi sonar yang digunakan oleh Amerika Syarikat dan tentera Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) didakwa memaksa kumpulan ikan paus berenang ke tepi pantai.

Pancaran sonar itu dikatakan menyebabkan penyakit dekompresi pada haiwan terbabit. Keadaan sama juga dipercayai mencetuskan gangguan sakit sendi, lesi kulit, kesukaran bernafas dan tanda-tanda neurologik ke atas penyelam skuba.

Ikan paus yang terkesan dengan sonar tersebut biasanya akan mati dan terdampar di tepi pantai beberapa hari kemudian.

Sonar aktif frekuensi pertengahan (MFAS) digunakan sejak 1960-an untuk mengesan kapal selam dan memancarkan isyarat di bawah dasar laut pada jarak kira-kira lima kilohertz (kHz).

Pancaran isyarat itu bagaimanapun mencetuskan ketakutan kepada ikan paus dan ia bertindak menjauhi bunyi tersebut.

Antara 1960 dan 2004, terdapat 121 kejadian kumpulan ikan paus terdampar dan kira-kira 40 daripadanya mempunyai kaitan dengan aktiviti tentera laut.



Ikan paus yang berjaya diselamatkan kemudian dilepaskan semula ke laut.



Sejak tahun 1960, terdapat lebih 120 kejadian ikan paus terdampar dan mencetuskan tanda tanya sehingga kini.



Pasukan penyelamat melakukan rondaan untuk mengenal pasti jika terdapat kumpulan baharu ikan paus yang terkandas di perairan cetek Macquarie Harbour.



Kejadian pertama ikan paus terkandas di beting pasir Macquarie Harbour dikesan Isnin lalu melibatkan 200 ekor mamalia berkenaan.



Pihak berkuasa meninjau operasi menyelamat ikan paus. Pancaran isyarat sonar tentera laut dipercayai menjadi punca kumpulan ikan paus berenang ke pantai.



Pasukan penyelamat berhempas-pulas cuba menyelamatkan seekor ikan paus pilot sirip panjang yang boleh mencecah berat tiga tan.

Operasi menyelamat ikan paus terdampar ini disertai kira-kira 60 individu termasuk sukarelawan mahlr.